

69

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI
MAHMUD [KOTA RAJA]**

TARIKH JAWAB : 9 NOVEMBER 2017

NO. SOALAN : 32

YB DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bentuk pelaburan yang dirancang akan dilaksanakan serta anggaran implikasi kewangan yang digunakan untuk membantu ekonomi Amerika Syarikat. Dari pelaburan tersebut, berapakah nilai keuntungan yang dijangka dapat diperoleh Malaysia dan apakah jangka masa yang paling pendek untuk Malaysia mendapat balik modal pelaburan tersebut."

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Malaysia merupakan negara yang kompetitif dan mampu untuk melabur di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat A.S. Kelebihan Malaysia ini terbukti apabila syarikat-syarikat Malaysia seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) meluaskan pelaburan global mereka di A.S.

2. Mengambil kira peralihan dasar perdagangan dan pelaburan A.S. di bawah Pentadbiran Presiden Donald Trump, YAB Perdana Menteri semasa lawatan kerja beliau ke A.S. telah mengambil langkah proaktif dengan menawarkan *value proposition* melalui peningkatan pelaburan daripada KWSP, Khazanah dan kerjasama antara Malaysia Airlines Berhad (MAB) [MAB yang dahulunya dikenali sebagai Malaysian Airline System Berhad (MAS)] dengan The Boeing Company (Boeing). Tawaran-tawaran ini sudah semestinya adalah berlandaskan kepada prinsip manfaat bersama (*mutual benefit*) yang memberi faedah kepada kedua-dua buah negara.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Pelaburan oleh KWSP di Amerika Syarikat adalah sebanyak USD6 bilion dan cadangan KWSP untuk terus melabur adalah di antara USD3 bilion hingga USD4 bilion.
4. Untuk makluman Dewan, setiap pelaburan KWSP akan dikaji secara "*deal by deal basis*" dan melalui proses yang ketat, mantap dan menyeluruh. Sebahagian daripada strategi jangka panjang pelaburan KWSP adalah pembahagian aset pelaburan di dalam dan luar negara berpandukan Alokasi Aset Strategik (*Strategic Asset Allocation*) yang dirancang untuk menjana pulangan jangka panjang secara optima pada julat risiko yang berpadanan. Oleh itu, KWSP sentiasa mencari peluang untuk melabur dalam aset domestik dan global yang berkualiti serta menepati garis panduan dan profil risiko-pulangan KWSP sebagai sebuah dana simpanan persaraan.

- 71
5. Setakat suku tahun kedua 2017, pelaburan luar negara KWSP adalah di dalam lebih 40 negara dan mewakili 29% daripada nilai aset pelaburan KWSP (keseluruhan sebanyak RM760 bilion). Pendedahan pelaburan KWSP di A.S. adalah lebih kurang 5% daripada jumlah keseluruhan aset pelaburan KWSP (RM38 bilion), yang kebanyakannya di dalam saham dan bon tersenarai. Portfolio pelaburan luar negara KWSP bagi tahun 2016 merekodkan pulangan pelaburan (ROI) sebanyak 9.73% manakala bagi tempoh tiga tahun yang lepas, pulangan tahunan yang dicatat portfolio ini adalah 11.05% setahun.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Khazanah pula memiliki pelaburan bernilai USD400 juta dalam syarikat berteknologi tinggi di Silicon Valley dan masih lagi meneliti beberapa pelaburan baru dalam usaha meningkatkan dana pelaburan di negara tersebut. Melalui langkah ini, ia dijangka akan meningkatkan kekayaan Malaysia.
7. Selain dari itu, Memorandum Persefahaman (MoU) di antara MAB dan Boeing bernilai USD4 bilion telah dimeterai dengan pembelian pesawat-pesawat baru dan perkhidmatan penyelenggaraan. Ini merupakan pelaburan jangka panjang MAB/MAS yang sejajar dengan pelan transformasi syarikat tersebut. Dengan pelaburan ini, MAB/MAS akan dapat memperkukuhkan kedudukan syarikat penerbangan nasional yang secara tidak langsung akan menyumbang ke arah mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkaitan industri penerbangan, pembuatan dan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Secara kesimpulannya, usaha-usaha Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan Malaysia di luar negara termasuk A.S. haruslah dipandang sebagai peluang bagi lebih banyak pulangan pelaburan yang akan disalurkan semula ke negara kita.